

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI SUMBER  
MANUSIA** menyatakan :-

(a) perkembangan terkini pembinaan pusat rehabilitasi di Meru, Ipoh;  
dan

(b) jelaskan kos anggaran serta kebaikan pembinaan tersebut

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Projek Pembangunan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Meru, Ipoh telah selesai menjalani proses *schematic design* dan kini dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh. Adalah dijangkakan upacara pecah tanah dan kerja-kerja tanah (*earth works*) dapat dimulakan pada penghujung tahun 2021.

Anggaran kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM500 juta sepertimana yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2020 pada 11 Oktober 2019. Kerajaan komited dalam menyediakan fasiliti dan kemudahan yang dapat membantu rakyat, khususnya golongan pekerja.

Antara kebaikan pembinaan sebuah lagi Pusat Rehabilitasi PERKESO, khususnya di Zon Utara adalah:

- i. memberikan perkhidmatan rehabilitasi yang berkualiti tinggi kepada golongan pekerja yang ditimpa bencana di bawah perlindungan PERKESO yang layak dan juga dapat diperluaskan lagi kepada orang awam secara keseluruhan; dan
- ii. mempergiatkan lagi sektor pelancongan kesihatan di Negeri Perak dan membawa banyak manfaat dari segi sosio-ekonomi serta pembangunan Negeri Perak dengan mewujudkan tambahan peluang pekerjaan, pembangunan modal insan, kebajikan masyarakat, dan kesejahteraan rakyat Negeri Perak secara keseluruhannya, selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040.